Search

# Kementerian sahkan harga gula naik 11 sen

FMT Reporters
| March 2, 2017

Harga baru bagi gula pasir putih 1kg ialah RM2.95 berkuatkuasa semalam.




PETALING JAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengesahkan harga gula dinaikkan daripada RM2.84 kepada RM2.95 1kg sejak semalam.

Kementerian terbabit berkata, kenaikan itu ekoran peningkatan ketara harga gula mentah dunia yang diimport Malaysia.

"Di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No 2) 2017, Kementerian dengan ini menetapkan harga baru bagi gula pasir putih bertapis kasar pada harga RM2.95 sekilogram.

"Bagaimanapun, kerajaan masih mengawal harga tersebut pada paras paling minimum jika dibandingkan kenaikan di negara lain," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kali terakhir harga gula diselaras ialah pada 25 Oktober 2013.